

5 APRIL 2022

TERAS PERJUANGAN ISLAM

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

1. Dalam tarbiyah-tarbiyah saya, banyak saya sebut perkataan "perjuangan", misalnya:
 - ❖ ISDEV adalah jemaah perjuangan
 - ❖ Perjuangan memuliakan Allah SWT, Rasulullah SAW, dan Islam
 - ❖ Perjuangan menyelamatkan diri daripada pemikiran bukan-Islam
 - ❖ Perjuangan memberi imej baik kepada Islam melalui ISDEV
 - ❖ Perjuangan merealisasikan keindahan Islam secara nyata
2. Dalam hidup pun, ramai orang berjuang, dan banyak bentuk perjuangan:
 - ❖ Berjuang mendapat ijazah
 - ❖ Berjuang mendapat pekerjaan
 - ❖ Berjuang mendapat pangkat / kuasa
 - ❖ Berjuang mendapat harta kekayaan
 - ❖ Berjuang mendapat pasangan hidup
 - ❖ Berjuang membina keluarga
3. Pejuang-pejuang Islam pula berjuang untuk Islam melalui pelbagai aspek:
 - ❖ Dakwah (gerakan-gerakan mengajak orang kepada Islam)
 - ❖ Politik – Parti-parti politik, demokrasi, revolusi
 - ❖ Ekonomi dan perniagaan – Jihad Bisnes (TS Muhammad Ali Hashim), GISB, perusahaan halal
 - ❖ Kebajikan – Individu (Ebit Liew), NGOs (Islamic Relief, Aman Palestin, Syria, etc)
 - ❖ Pemikiran (IIIT, ABIM, Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI), etc)
 - ❖ Kerohanian (Gerakan sufi/tariqat)
 - ❖ Akademik (ISDEV, Universiti-universiti, etc)

[Tidak apa walau banyak bentuk perjuangan kerana pada akhir zaman ini, tidak ada satu toifah yang lengkap. Bentuk-bentuk perjuangan ini lengkap melengkapi]

4. Tumpuan perjuangan-perjuangan ini juga mungkin berbeza-beza:

- ❖ Tauhid (Aqidah)
- ❖ Fekah (Syariah - Ibadah, Muamalat, Munakahat, Jinayah)
- ❖ Tasawuf (Mazmumah, Mahmudah)

[Sepatutnya dalam setiap bentuk perjuangan, ketiga-tiga tumpuan ini kena dijadikan tumpuan penting]

5. **Ini ramai pejuang Islam terlupa.** Ada yang hanya tekan kepada Tauhid sahaja, manakala yang lain kepada Fekah sahaja, dan yang lain kepada Tasawuf sahaja.

6. Macam mana pun, **teras kepada perjuangan Islam ialah Tauhid**, yakni:

- ❖ Mengajak manusia kepada Allah SWT
- ❖ Mengajak manusia rapat dengan Allah SWT
- ❖ Berjuang untuk Allah SWT
- ❖ Mempromosikan Allah agar Allah dikenali, dirindui, ditakuti, dicintai, disembah, disucikan dan diagungkan.

7. Natijahnya, pejuang Islam dan orang-orang Islam akan:

- ❖ Memuliakan Allah SWT
- ❖ Merasa takut kepada Allah SWT
- ❖ Merasa malu kepada Allah SWT
- ❖ Merasa hormat kepada Allah SWT
- ❖ Merasa sayang kepada Allah SWT
- ❖ Merasa cinta kepada Allah SWT
- ❖ Merasa rindu kepada Allah
- ❖ Merasa mengharap kepada Allah SWT
- ❖ Merasa manja dengan Allah SWT

8. Antara **outcome** daripada Allah SWT sebagai teras perjuangan ini ialah:

- ❖ **Ibadah dan syariat menjadi subur dan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya**, bukan hanya sebagai tradisi atau tabiaat, bukan

hanya untuk pahala dan syurga, tetapi memberi **kesan kepada peribadi** (subur mahmudah, pupus mazmuumah: sabar, berkasih sayang, bertimbang rasa, berperi-kemanusiaan, pemurah, cinta akhirat, pemaaf, tawadho', tidak sompong, tidak tamak, tidak riyak, tidak ujub, tidak berdendam, tidak hasad dengki, tidak bermegah, dan sebagainyanya)

- ❖ Apa-apa yang diperjuangkan akan **dipandu, dibantu, direstu, diberkati, dan dirahmati Allah SWT** [misalnya berjuang mendapat Ijazah, pekerjaan, pangkat / kuasa, harta kekayaan, pasangan hidup, membina keluarga, dakwah, politik, ekonomi, perniagaan, kebijakan, pemikiran, kerohanian, akademik dan sebagainya]
- ❖ Terelak daripada **tertipu (ghurur)** dalam perjuangan. Contohnya, beribadah dalam **masjid** tetapi berkelahi sesama sendiri, beribadah melalui **politik** tetapi jatuh menjatuhkan, beribadah melalui **akademik** tetapi saling cemburu dan hasad-dengki, beribadah melalui **kebijikan** tetapi saling menunjuk dan memburukkan, beribadah melalui **dakwah** tetapi saling hentam-menghentam, dan sebagainya.
- ❖ Mendapat **pembelaan** Allah SWT, dengan Allah SWT **meneguhkan tapak pendirian, dan mengurniakan kemenangan**. Allah SWT berjanji:



يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ عَامَنُوا إِن تَنْصُرُوا أَلَّا يَنْصُرُكُمْ وَيُبَيِّنُ أَقْدَامَكُمْ

Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu (Muhammad 47:7).

9. **Allah** sebagai teras perjuangan Islam merupakan **rahsia kejayaan** sesuatu usaha perjuangan.
10. **ISDEV** patut berpegang kepada teras ini dalam mencapai kejayaan dalam kesemua usaha menggembangkan ISDEV.